

14/07/2002

Othman teruskan hubungan peribadi

Hassan Omar

KAWASAN Parlimen Pendang yang mempunyai 53,128 pengundi sekali lagi menjadi medan pertarungan antara Barisan Nasional dan Pas, Khamis ini. Ini berikutan kematian penyandanginya Datuk Fadzil Noor yang menang dengan majoriti 2,939 undi, menewaskan Datuk Othman Abdul. Sekali lagi BN mempertaruhkan Othman, bekas Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri yang bertanding buat kali kelima sejak 1986, manakala Pas pula menyandarkan Dr Mohd Hayati Othman, anak jati Pendang berkelulusan doktor perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan kali pertama bertanding. Wartawan Berita Minggu, HASSAN OMAR menemubual kedua-dua calon itu mengenai peluang, wawasan dan pesanan kepada pengundi.

BAGAIMANA Datuk melihat peluang untuk memenangi pilihan raya kecil ini? Apakah faktor untuk menjamin kemenangan?

Saya berpendapat peluang kali ini sangat cerah memandangkan jentera pilihan raya kuat, kerjasama baik dan Umno Bahagian bersatu-padu. Memandangkan kekuatan ini, Pas mengeluarkan berita palsu, saya bertembuk dengan Timbalan Pengarah jentera pilihan raya bahagian Pendang, Md Rozai Shafian sampai kena tujuh jahitan. Keduanya, isu negara yang besar sudah tidak ada lagi kerana 1999 isu Anwar Ibrahim paling besar hingga orang Umno tidak turun mengundi, iaitu 11,000 orang.

Apakah formula dan cara Datuk supaya pengundi memilih Datuk?

Jentera pilihan raya tumpukan kepada pengundi atas pagar yang kita dapati jumlahnya bertambah hingga 5,000 undi. Dalam kiraan pertama, semua pihak Umno tidak berubah. Ini menunjukkan dulunya mereka sokong sokongang tetapi sekarang mereka belum tentu. Kita akan cuba mendapatkan sokongan mereka. Dia mungkin dulu sokong Pas tetapi sekarang berkecuali. Nampak jelas perpecahan dalam Pas. Dalam soal pemilihan calon, ketua Pas Pendang yang dikira sebagai ulama tempatan, Abdul Rahim Abdul Rahman tidak terpilih. Seorang tokoh sekular pula diberikan peluang. Jadi, kita tahu memang ada masalah. Kita akan mencuba ambil kesempatan gunakan isu soal pemilihan calon Pas yang tidak mendapat restu seluruh pentadbiran Pas Pendang. Patut dia yang dipilih. Dia bercita-cita hendak menjadi calon.

Bagaimana Datuk melihat lawan pada pilihan raya kecil ini? Apakah kelebihan Datuk dan parti berbanding lawan?

Kita gunakan pelbagai pendekatan. Pertamanya ceramah yang kita buat untuk menjelaskan isu negara, berkaitan hudud dan meletakkan anak angkat di rumah orang atas pagar. Kita letakkan anak angkat dua orang satu rumah. Saya yakin 5,000 orang ini akan ubah fikiran. Pas melaungkan slogan kepimpinan ulama. Jadi, sekarang Pas tidak boleh lagi kata dia kepimpinan ulama kerana meletakkan seorang doktor.

Saya rasa walaupun dia seorang profesional tetapi hubungan saya dengan masyarakat tempatan, rakan dalam perguruan cukup rapat. Majlis Guru Besar Daerah dengan jelas dan terang menyatakan sokongan kepada saya sebagai calon. Saya sudah minta guru berikan sokongan kepada saya.

Apa pula isu yang Datuk dan parti gunakan untuk memenangi hati pengundi?

Saya tidak ada isu besar selain hubungan peribadi dengan pengundi. Walaupun saya tinggal di Kuala Lumpur, saya balik juga ke Pendang ini. Saya mengeluarkan bantuan wang sendiri. Ini saya teruskan, hubungan peribadi saya teruskan.

Bagaimana Datuk melihat isu hukum hudud yang menjadi salah satu isu yang digunakan pada pilihan raya ini?

Saya tidak mahu menjawab secara spesifik walaupun saya faham. Saya

pernah menjawab hudud dalam Parlimen waktu disoal oleh Haji Hadi (Datuk Seri Abdul Hadi Awang). Saya mahu soal, mengapa Pas tidak melaksanakan hudud di Kelantan sedangkan Dewan Undangan Negeri Kelantan sudah meluluskannya, Adun Umno menyokong dan Sultan sudah tandatangan dan menjadi undang-undang 1996. Sampai sekarang tidak dilaksanakan. Alasannya Dr Mahathir tak bagi. Kalau soal Islam, kita wajib sembahyang. Kalau siapa tegah kita pun, kita wajib sembahyang. Kalau Dr Mahathir kata tak boleh, Pas wajib laksanakan. Di mana keikhlasan Pas, kalau bukan hudud ini bukan untuk politik.

Datuk bertanding di kawasan yang pernah diwakili Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor. Bagaimana Datuk melihat perkara ini berikutan ketokohan Allahyarham sebagai Presiden Pas?

Kenyataan itu tidak betul. Saya menang 1986 di Pendang. Pada 1990 saya lawan Ustaz Fadzil di Pendang, saya menang 3,700 undi. Pada 1995 saya menang sekali lagi lawan Taulan Rasul. Tiga kali saya menang. Sekali saya kalah, itu pun atas isu besar. Politik negara, Umno goncang, pemecatan Anwar. Pada 1990, Fadzil adalah Presiden Pas dan saya mampu mengalahkan dengan majoriti 3,700. Itu rekod. Aspek ketokohan tidak berperanan.

Apa pandangan Datuk berhubung kempen Pas mengenai isu simpati kematian Allahyarham bagi menagih simpati pengundi?

Majlis Umno pun kita mulakan dengan al-Fatihah untuk disedekahkan kepada Ustaz Fadzil. Undi simpati mungkin berjaya oleh orang Pas yang tulen, `hardcore.` Orang Umno tidak peduli. Orang atas pagar, kita mahu nyatakan, kalau simpati pun, kerajaan yang boleh memberikan kemakmuran, pembangunan. Mana lebih baik. Kita kata andaian yang mudah, Dr Mohd Hayati Othman, seorang doktor persendirian. Kalau dia menang pun, orang yang sakit pun kena bayar juga kalau pergi klinik dia. Kalau kita menang, dia pergi klinik, dia dapat ubat percuma.

Pilihan raya ini dikatakan menjadi medan ujian bagi Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai bakal Presiden Umno dan Perdana Menteri serta Datuk Seri Abdul Hadi Awang sebagai Presiden Pas. Apa pandangan Datuk?

Saya tidak memandang begitu kerana saya dapati Datuk Seri Abdullah bertanggungjawab pada pilihan raya Ketari, Indera Kayangan, setiap malam dia turun. Itu kerja Timbalan Perdana Menteri yang dilakukan dalam pilihan raya kecil lalu. Tidak timbul soal ketokohan Pak Lah. Kita akan berusaha bersungguh-sungguh kerana mahu berikan hadiah kepada Dr Mahathir.

Hadi pernah mengeluarkan kenyataan bahawa ini adalah untuk masa depan Pas atau Umno. Bermakna, kalau Pas kalah di Pendang dan Anak Bukit, Pas tak akan menang pilihan raya akan datang.

Bagaimana pula pandangan mengenai hasrat BN dan Umno untuk memberi kemenangan BN sebagai hadiah perpisahan kepada Perdana Menteri?

Kita akan usaha bersungguh-sungguh. Pada 1999, bilik gerakan tidak ramai orang macam ini.

Dalam ayat yang ringkas, apakah pesanan Datuk kepada pengundi?

Saya cuma nak berpesan kepada pengundi agar membuat pilihan yang betul. Bukan soal calon tetapi calon yang dapat berikan keyakinan, bela nasib rakyat. Saya harap tidak berlaku perpecahan, perbalahan, sifat agresif. Pada hari penamaan calon pun kita dapat lihat sudah nampak perbuatan tidak baik. Perbalahan akan membawa kelemahan masyarakat. Kita takut negara kita tidak aman. Saya harap pengundi dapat keluar lebih awal kerana ini akan memudahkan. Sebelah petang, kita leka, tidur, lupa. Keluar mengundi